

**TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN HARI LANDSKAP NEGARA
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2012
VISION PARK, BERTAM
6 OKTOBER 2012**

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama

(Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Arif Dato' Seri Zakaria bin Sam

Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

Merangkap Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Induk Landskap Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas

Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi)

Y.B. Dato' Hj Mokhtar bin Mohd Jait

Pegawai Kewangan Negeri

Wakil-wakil Konsulat dari Indonesia dan Jepun

Budi Prakoso (Indonesia) & Hiroko Taniguchi (Jepun)

Yang Berbahagia Tuan Hj Zainuddin bin Ahamad

Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa

Negeri Pulau Pinang

Y.Bhg. Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Patrick Khoo Poh Aik

Pemangku Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-Rakan Pemberita

Dato'-Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan kerana limpah kurnia serta keizinanNya dapat kita bersama-sama berada di majlis ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas ke Majlis Perasmian Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2012.

Tema yang dipilih untuk sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang adalah **Komuniti Penggerak Landskap Pulau Pinang**. Tema ini memberi penekanan penglibatan komuniti sebagai peneraju dan penggerak landskap di Pulau Pinang yang selaras dengan "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*." Komuniti memainkan peranan untuk membantu MPSP dan MPPP menguruskan kehijauan dan keindahan landskap.

Tema ini juga sejajar dengan program landskap dan rekreasi CSR di antara MPSP, MPPP dan komuniti. Program naik taraf taman-taman rekreasi awam sedia ada bersama komuniti bagi program CSR landskap begitu rancak

dijalankan. Program 4P's : *Public, Private, People and Partnership* dijalankan untuk komuniti bersama MPSP dalam menyediakan kawasan landskap dan rekreasi yang serba lengkap untuk kemudahan komuniti.

MPSP telah melancarkan Program CSR Landskap yang pertama bersama komuniti pada Oktober 2011 iaitu di Taman Tugu Demokrasi dan projek ini siap pada Januari 2012. Sebanyak 43 lokasi telah dikenalpasti untuk di ambil anak angkat oleh komuniti, organisasi, pertubuhan atau syarikat. Setakat ini sebanyak 21 lokasi telah diambil anak angkat oleh pelbagai komuniti dan organisasi.

Dua daripada kawasan rekreasi atau landskap ini telah siap dijalankan iaitu Taman Tugu Demokrasi dan Taman Tunku, Seberang Jaya. Yang lainnya masih di dalam peringkat pelaksanaan.

Sebagai menghargai penglibatan komuniti atau syarikat yang turut menyahut program CSR dan program "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang.*" ini, hari ini satu upacara penyampaian sijil akan diberikan kepada 20 peneraju landskap. Terima kasih daun keladi, kalau boleh ambillah lokasi-lokasi yang masih ada lagi.

Program Penghijauan MPSP di Seberang Perai pada tahun 2012 telah merekodkan penanaman pokok teduhan sehingga September adalah

sebanyak 1,456 batang pokok dan 2,197 batang pokok hasil daripada projek pembangunan oleh pemaju. Disamping Program Penghijauan, usaha seperti penganjuran aktiviti gotong-royong, pengindahan dan keceriaan di kawasan sekolah, dewan masyarakat, kampung-kampung, taman-taman perumahan dan taman-taman awam dilaksanakan secara berterusan bagi memenuhi kehendak masyarakat awam dan agensi yang berkepentingan.

Vision Park dipilih untuk sambutan pada tahun ini kerana taman ini merupakan kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai taman awam. Taman ini adalah seluas 126 ekar. Untuk makluman, Jabatan Landskap Negara yang telahpun membuat lawatan penilaian tapak pada Julai 2012. Sekiranya terpilih, Vision Park boleh dibangunkan pada tahun 2014.

Sempena dengan Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang yang akan berlangsung sehingga hari esok, aktiviti seperti pameran landskap diadakan dengan tujuan mencari inovasi dan kreativiti dalam membangunkan alam sekitar di kawasan awam dan swasta supaya lebih cantik dan indah dan kelihatan lebih menarik dengan reka bentuk seni taman serta komposisi tanaman hiasan dan bunga-bunga supaya rakyat hidup dalam suasana yang segar, sihat dan nyaman.

Melalui pameran landskap ini juga, nilai budaya landskap dapat diserapkan di kalangan semua lapisan masyarakat dan dapat menimbulkan minat untuk

menjadikan Negeri Pulau Pinang negeri yang bersih, indah yang dapat meningkatkan mutu hidup rakyat. Negeri yang bersih dan indah mampu memberi daya tarikan tambahan kepada pelancong untuk mengunjungi negeri kita.

Selain daripada pameran landskap, terdapat juga program-program lain yang akan dijalankan seperti Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Gubahan Bunga, Pertandingan Ayam Serama, Pertandingan Memancing, Pertandingan Suara Burung dan lain-lain.

Harapan saya adalah semoga Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang ini mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pembangunan dan pemuliharaan landskap untuk membina kehidupan masyarakat yang sejahtera.

Walaupun dasar serta perancangan yang baik boleh disediakan termasuklah infrastruktur taman dan landskap yang menarik. Namun, tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak termasuk masyarakat umum untuk menjaga dan memelihara khazanah yang tinggi nilainya ini, maka usaha ini ibarat mencurahkan air ke daun keladi. Sia-sia belaka.

Oleh yang demikian, mulai dari saat ini, marilah kita, bersama-sama berganding bahu untuk melipat gandakan komitmen dalam membentuk

masyarakat yang prihatin dan mempunyai budaya tinggi, menghargai khazanah landskap dan nilai persekitaran berkualiti, yang dianugerahkan kepada kita.

Sebelum mengundur diri, sekali lagi, bagi pihak urusetia jemputan, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, kepada Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Y.A.B. Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng dan dif-dif jemputan kehormat di atas kesudian untuk menghadirkan diri ke Majlis pada pagi ini.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.